



TOKOH MAAL HIJRAH SABAH ... Majlis Perhimpunan Sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri Sabah 1434H/2012M menyaksikan bekas Pegawai Daerah Pitas, Haji Adenan Mohd Yussuf dinobatkan sebagai Tokoh Maal Hijrah Peringkat Negeri Sabah 1434H/2012M.

Sementara itu, Dekan Sekolah Perniagaan

dan Ekonomi, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Madya Dr. Arsiah Bahron menerima Anugerah Saiyidatina Khadijah, Peringkat Negeri Sabah 1434H/2012M.

Adenan (kiri) dan Dr. Arsiah bersama hadiah masing-masing. - Foto EDDIE ANGAT. Cerita lanjut lihat Muka 2

Adenan dinobatkan Tokoh Maal Hijrah Negeri Sabah

NST 16.11.2012 1.2.2

KOTA KINABALU: Majlis Perhimpunan Sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri Sabah 1434H/2012M menyaksikan Adenan sebagai Tokoh Maal Hijrah peringkat Negeri Sabah 1434H/2012M.

Anugerah itu merupakan pengiktirafan dan penghargaan jasa dan khidmat bakti Adenan dalam pembangunan dakwah, ekonomi, pendidikan dan sosial negeri ini.

"Saya berasa sangat bersyukur kepada Allah kerana mengurniakan saya hati dan perasaan yang tidak pernah letih dan jemu dalam berdakwah, bukan sahaja kepada kebaikan umat Islam tetapi bukan Islam juga," kata Adenan ketika ditemui pemberita selepas Majlis Perhimpunan Sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri 1434H/2012M, di Wisma Muis, di sini, kelmarin.

Antara sumbangan besar

Adenan dalam pembangunan dakwah Islamiah, ekonomi dan sosial semasa berkhidmat sebagai penjawat awam termasuklah sebagai perintis awal kepada pembukaan Sekolah Agama Islam di Daerah Pitas, mengusahakan pembinaan masjid-masjid daerah seperti Keningau, Beaufort, Kundasang, Tenom dan lain-lain.

Selain itu, Adenan juga bertanggungjawab dalam memotivasi masyarakat untuk berubah melalui pengenalan projek tanaman kontan, ternakan ikan air tawar besar-besaran, memberi ceramah dan terlibat dalam pembukaan sebuah Klinik Islam dan khidmat klinik bergeser di Daerah Tenom.

Adenan juga terlibat dalam gerakan dakwah dan pengislahan beramai-ramai khususnya di daerah Pantai Barat Utara dan Pedalaman Atas.

Atas sumbangan dan jasanya, Adenan pernah dianugerahkan bintang Kebesaran Ne-

geri Ahli Setia Darjah Kinabalu (ASDK) 1992 dan Jaksa Pendamai 2008.

Sementara itu, Dekan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Madya Dr. Arsiah Bahron menerima Anugerah Saiyidatina Khadijah, Peringkat Negeri Sabah 1434H/2012M.

Dr. Arsiah menerima Anugerah tersebut sebagai penghargaan jasanya dalam pembangunan dakwah, pendidikan, kebajikan masyarakat dan wanita di Sabah.

Selain itu, Dr. Arsiah juga turut aktif berpersatuan, antaranya Persatuan Pergerakan Pelajar Islam Sabah, menjadi Ketua Biro Helwa ABIM Sabah, Setiausaha Kehormat Kelab Suri Rumah dan Kakitangan Wanita UMS dan sebagainya.

"Pengiktirafan ini sebenarnya amat besar bagi saya dan akan dianggap sebagai cabaran buat saya untuk lebih maju dalam aktiviti sukarela selagi



TOKOH ... Adenan (dua kiri) dan Dr. Arsiah (tiga kiri) merakam kenangan pada hari yang penuh bermakna buat mereka bersama pemenang-pemenang Anugerah Maal Hijrah, Peringkat Negeri Sabah 1434H/2012M yang lain.

termampu kerana sememangnya sudah menjadi minat saya untuk mendekati masyarakat," katanya.

Dr. Arsiah juga turut menyatakan bahawa memainkan peranan sebagai seorang ibu, isteri, pekerja dan juga penggerak masyarakat merupakan antara cabaran terbesar baginya.

Oleh itu katanya, membahagi masa mengikut keutamaan merupakan antara resepi kejayaannya.

Sementara itu, Majlis itu juga menyaksikan seorang arkitek yang terlibat secara langsung dalam bidang mereka bentuk seni bina berbagai bangunan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan, Arifin Sudin menerima Anugerah Ab-

dul Rahman bin 'Auf Peringkat Negeri Sabah 1434H/2012M.

Juga, anak muda pertama Sabah yang terpilih sebagai peserta Program Realiti Imam Muda Musim kedua anjuran Astro (2011), Ali Khairuddin Maarif menerima Anugerah Khalid al-Walid Peringkat Sabah pada tahun ini.

Dalam pada itu, Naib Johan Qariah Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan (2012), Nur Faten Izzati Rablin menerima Anugerah Fatimah Az-Zahra Peringkat Negeri Sabah 1434H/2012M.

Selain itu, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Sabah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Khas atau Pengiktirafan Khas Peringkat Negeri Sabah 1434H/2012M.

Majlis tersebut turut menyaksikan Surau al-Hijrah, Kg Brunei Laut, Membakut menerima Anugerah Surau Cemerlang (Kategori Kariah) Peringkat Negeri Sabah 1434H/2012M dan Surau Sekolah Menengah Kebangsaan Tebobon, Menggatal, menerima Anugerah Surau Cemerlang (Kategori Sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi) Peringkat Negeri Sabah 1434H/2012M.

Juga, Tanah Perkuburan Ar-Raudharul Ukhwwah, Kg. Tudan Baru, Keningau, menerima Anugerah Ar-Raudhah pada Majlis tersebut di atas keindahan, keceriaan, pengurusan terbaik dan penjagaan kebersihan yang dilaksanakan ke atas tanah perkuburan itu. - **OLEH BALQIS JAMALUDIN**